

**PENGGUNAAN SYAHADAH (KESAKSIAN) DALAM PERBICARAAN KES-KES MAL
DI MAHKAMAH SYARIAH**

Fathin Shahirah Abd Rahim*

Pembantu Penyelidik

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

fathinshahirah@islam.gov.my

**Corresponding author*

Received Date: 02 Mei 2021

Accepted Date: 15 September 2021

Published Date: 25 December 2021

ABSTRAK

Syahadah (kesaksian) merupakan salah satu kaedah pembuktian tertinggi dalam hukum syarak mahupun undang-undang buatan manusia. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa permasalahan timbul berkaitan kebolehterimaan *syahadah* di Mahkamah Syariah terutamanya status *syahadah* yang diberikan oleh orang bukan Islam, wanita dan kanak-kanak. Selain itu, terdapat segelintir masyarakat meragui dan kurang mempercayai *syahadah* sebagai salah satu kaedah pembuktian di Mahkamah Syariah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji konsep *syahadah* dan perbezaannya dengan kaedah pembuktian yang lain. Kajian ini turut menganalisa syarat kelayakan saksi dan bilangan saksi serta sejauh mana penggunaan *syahadah* dalam perbicaraan kes *mal* di Mahkamah Syariah. Bagi menyempurnakan kajian, pengkaji menggunakan metode analisis kandungan. Hasil kajian mendapati konsep *syahadah* berbeza dengan konsep kaedah pembuktian yang lain. Di samping itu, kajian mendapati bahawa *syahadah* telah digunakan secara meluas dalam perbicaraan kes-kes *mal* di Mahkamah Syariah seluruh negara.

Kata Kunci: *Syahadah*, kesaksian, Mahkamah Syariah

ADMISSIBILITY OF SYAHADAH (WITNESS) IN MAL CASES AT SHARIAH COURT

ABSTRACT

Shahadah (witness) is one of the highest methods of proof in Islamic law or man-made laws. However, there are some problems arising regarding the admissibility of shahadah in the Syariah Court, especially the status of shahadah given by non-Muslims, women and children. In addition, there are a few people who doubt and lack faith in shahadah as one of the methods of proof in the Syariah Court. Therefore, this study aims to examine the concept of shahadah and its differences with other methods of proof. This study also analyzes the witness qualification requirements and the number of witnesses as well as the extent to which shahadah is used in the trial of property cases in the Syariah Court. To complete the study, the researcher used content analysis. The results of the study found that the concept of shahadah is different from the concept of other methods of proof. In addition, the study found that shahadah has been widely used in the trial of malpractice cases in the Shariah Court across the country.

Keywords: Shahadah, witness, Syariah Court

PENDAHULUAN

Undang-undang keterangan di Mahkamah Syariah digubal adalah demi kebaikan dan kemudahan semua pihak yang terlibat untuk menegakkan hak-hak mereka. Penggubalan Akta Keterangan Mahkamah Syariah yang berlandaskan Undang-Undang Keterangan Islam telah memberi peluang kepada Mahkamah Syariah untuk mengadili sesuatu kes itu dengan adil dan saksama (Azizah & Ruzman, 2016).

Para ulama telah menakrifkan *syahadah* merupakan salah satu cara pembuktian yang penting dalam sistem perundangan Islam. Penyampaian *syahadah* mestilah mengikut syaratnya yang tertentu dan tidak memihak kepada mana-mana pihak. Selain itu, *syahadah* turut mempunyai syarat kelayakan yang tersendiri supaya ia boleh diterima (Azizah & Ruzman, 2016).

Kesaksian adalah pemberitahuan yang benar-benar dalam majlis kehakiman dengan menggunakan lafaz kesaksian yang mensabitkan hak atau kepentingan atas diri orang lain (Abdul Salam, 1964). Kesaksian ialah penerangan atau khabar yang pasti manakala dari segi istilahnya ialah pengetahuan tentang sesuatu hak atau kepentingan bagi orang lain samada merupakan hak Allah SWT mahupun hak hamba. Pemberitahuan tersebut mestilah timbul daripada perasaan yang yakin dan pasti serta bukan hanya rekaan semata-mata (Mahmud Saedon, 1990).

ISU PERMASALAHAN MENGENAI SYAHADAH SEBAGAI KAEDAH PEMBUKTIAN

Kesaksian atau *syahadah* merupakan hujah yang bersifat mutlak bagi semua orang dan implikasi hukumnya tidak terbatas ke atas pihak yang terlibat sahaja. Oleh itu, kesaksian disebut dengan *bayyinah* kerana kesaksian itu bersifat menjelaskan sesuatu perkara yang kurang jelas dan

mengungkapkan kepemilikan. Mazhab Hanafi berpendapat bahawa *bayyinah* adalah lebih kuat daripada ikrar (Wahbah, 2011).

Seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (AKMSWP) mendefinisikan *syahadah* sebagai apa-apa keterangan yang diberikan di hadapan Mahkamah dengan menggunakan lafaz “*asyhadu*” untuk membuktikan suatu hak atau kepentingan. Manakala saksi pula dalam peruntukan dan statut yang sama telah didefinisikan sebagai tidak termasuk plantif, defendan dan orang tertuduh. Perkara ini menunjukkan bahawa *syahadah* adalah sifat keterangan bagi seseorang saksi (Azizah & Ruzman, 2016). Namun begitu, terdapat beberapa isu dan persoalan yang timbul mengenai pembuktian *syahadah* ini, iaitu:

a) Ketidakhahaman Masyarakat tentang Konsep Syahadah

Terhadap beberapa pihak mempertikaikan kesahan penggunaan *syahadah* dalam pembuktian sesuatu kes di mahkamah. Hal ini terjadi kerana masyarakat tidak memahami secara jelas konsep *syahadah* dan perbezaannya dengan pembuktian yang lain. Pada tahun 2017, Datuk S Ambiga mengatakan beliau keliru tentang konsep dan penggunaan *syahadah* terutamanya dalam kalangan orang bukan Islam. Beliau kluatir sekiranya keterangan mangsa jenayah tidak diterima oleh kerana mangsa bukan beragama Islam. Hakikatnya, kesaksian yang diberikan oleh orang bukan Islam boleh dikategorikan sebagai *bayyinah*, bukannya *syahadah* (Harakah, 2017). Hal ini kerana keterangan *bayyinah* lebih umum manakala keterangan *syahadah* lebih khusus dan ia termasuk dalam sebahagian definisi *bayyinah*

Enakmen/Akta Keterangan Mahkamah Syariah sama sekali tidak menolak keterangan orang bukan Islam sebagai seorang saksi bahkan ada menyebut keterangan itu dikategorikan sebagai *bayyinah*. Keterangan *bayyinah* sama sahaja kedudukannya sama ada diberikan oleh orang Islam atau orang bukan Islam. Justeru, dakwaan Datuk S Ambiga yang mengatakan bahawa keterangan saksi bukan Islam lagi rendah martabatnya berbanding keterangan daripada orang Islam tidak sepatutnya berbangkit.

b) Ketidakjelasan Kelayakan menjadi Saksi dan Bilangan Saksi

Perkara ini berkaitan status penerimaan *syahadah* bagi kaum wanita dan juga kanak-kanak. Isu ini timbul kerana terdapat dakwaan bahawa kaum wanita dan kanak-kanak tidak melepasi syarat menjadi seorang saksi menurut perundangan Islam (Azizah & Ruzman, 2016).

Seksyen 83 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 1992 telah memperuntukkan bahawa seorang kanak-kanak yang belum baligh atau seorang yang baligh tetapi terganggu akal mentalnya adalah layak memberi *bayyinah*, tetapi tidak layak memberi *syahadah*. Keterangan kanak-kanak dalam kes kecederaan yang dilakukan oleh seorang kanak-kanak ke atas kanak-kanak yang lain selagi mana mereka tidak berselisih faham dan masih berada di tempat kejadian layak diterima.

Kesaksian kanak-kanak diragui kerana mereka tidak memenuhi syarat menjadi saksi iaitu baligh. Walau bagaimanapun, mazhab Maliki dan Hanbali menerima kesaksian kanak-kanak yang *mumayyiz* bagi jenayah yang berkaitan dengan kecederaan dan pembunuhan (*al-dima*). Di

samping itu, kanak-kanak itu juga disyaratkan melihat kejadian tersebut dan tiada orang dewasa lain yang melihatnya (Siti Zalikhah, 2006).

Bagi status penerimaan *syahadah* wanita pula, terdapat pihak yang mendakwa wujud keraguan dalam penerimaan *syahadah* kaum wanita oleh kerana sifat lupa mereka dan sebagainya (Paizah, 2010). Pada zaman dahulu, kaum wanita dianggap tidak layak menjadi saksi disebabkan kelemahan mereka dari segi fizikal dan kesibukan menguruskan rumahtangga. Akan tetapi, wanita masih boleh menjadi saksi bagi kesalahan hukuman takzir (Siti Zalikhah, 2008).

Akan tetapi, dalam kitab *al-Muhadhdhad* karangan al-Shirazi, dalam kes berkaitan dengan harta benda, satu saksi lelaki bersamaan dengan dua orang saksi wanita. Kesimpulannya, dalam kes yang berkaitan dengan harta, kesaksian wanita boleh diterima pakai di mahkamah sepertimana keterangan daripada lelaki (al-Shirazi, 2009).

Bahkan, dalam undang-undang sivil, jantina sama sekali tidak menjadi kayu pengukur dalam menentukan kesahihan sesuatu kes. Perbezaan daripada para fuqaha tentang penerimaan kesaksian wanita wujud bukan kerana diskriminasi jantina, sebaliknya lebih menjurus ke arah kaedah kesaksian yang adil dan ketepatan dalam mengemukakan keterangan. Tegasnya, tiada prejudis terhadap kesaksian kaum wanita dalam perundangan Islam selagimana segala syarat kesaksian dipenuhi dengan baik (Mohd Naufal, 2008).

c) **Ketidakterkesan Penggunaan *Syahadah* di Mahkamah**

Terdapat segelintir masyarakat meragui *syahadah* sebagai salah satu bentuk kaedah pembuktian di mahkamah (Ammar & Che Maryam, 2016). Masyarakat meragui kesaksian kerana terdapat segelintir saksi kurang persediaan, kemahiran dan dokumen sokongan. Seseorang yang memberi keterangan di mahkamah mestilah mempunyai persediaan dan kemahiran yang cukup. Hal ini bagi bersiap sedia menghadapi soalan-soalan yang bakal diajukan kepadanya. Ketidaksediaan saksi akan menjejaskan kesahihan fakta sekaligus mencemarkan reputasi saksi (Abdul Aziz, 2003).

Syahadah juga kurang dipercayai segelintir orang awam adalah kerana terdapat sesetengah saksi kurang memberi kerjasama yang sepatutnya ketika memberikan penyaksiannya di mahkamah. Menurut keratan akhbar Sinar Harian, antara faktor saksi enggan memberi kerjasama yang baik dengan pihak mahkamah adalah kerana faktor kemanusiaan. Kebanyakan saksi-saksi terdiri daripada ahli keluarga sendiri dan rakan-rakan yang mempunyai hubungan rapat dengan tertuduh. Oleh itu, saksi menjadi pihak berkepentingan kepada tertuduh. Saksi begini berpotensi untuk berat sebelah dan berpaling tadah daripada memberi kerjasama dalam perbicaraan. Jadi, jelaslah di sini, terdapat beberapa permasalahan yang berkaitan dengan *syahadah* yang telah menyebabkan sesetengah masyarakat meragui kesaksian sebagai salah satu kaedah pembuktian yang digunakan di mahkamah.

KEBOLEHTERIMAAN SYAHADAH SEBAGAI KAEDAH PEMBUKTIAN DI MAHKAMAH SYARIAH

Keterangan berbentuk *syahadah* ini telah lama digunapakai dalam perundangan Islam mahupun sivil. Ia merupakan salah satu bentuk pembuktian yang digunapakai oleh hakim di mahkamah untuk memutuskan sesuatu kes.

a) Konsep Syahadah Menurut Perundangan Islam

Syahadatun ialah perkataan dalam Bahasa Arab yang berasal daripada *syahida- yasyhadu- syahadatun* yang bermaksud mengkhabarkan apa yang diketahui dengan lafaz “*asyhadu*” (saya sudah meyakinkannya). *Syahadah* diperolehi dengan melihatnya dengan mata sendiri atau mendengar sendiri atau mendengar sendiri atau dengan menggunakan sesuatu yang sangat diperlukan untuk mengetahui masalah seperti “Sudah menjadi pengetahuan umum atau terkenal dalam kalangan masyarakat datau sudah menjadi ilmu pengetahuan”. Kesaksian memegang peranan penting dalam menentukan hukuman (Ibn Hajar, 1992).

Syahadah juga bermaksud pemberitahuan yang pasti, iaitu ucapan penyaksian yang keluar secara langsung daripada orang yang mengetahui tentang sesuatu perkara itu dan *syahadah* merupakan salah satu cara untuk membuktikan salah atau benar sesuatu pihak itu (Anggun, 2016; Siti Zalikah, 2006).

b) Syarat Kelayakan Saksi dan Bilangannya

Kesaksian tidak dapat diterima kecuali jika cukup lima syarat iaitu beragama Islam, baligh, berakal, merdeka dan bersifat adil (Taqiyuddin, 2014). Ada juga yang menambah syarat lain seperti bermaruah, tiada tohmahan, bukan musuh kepada orang yang didakwa, kuat ingatan, dapat berbicara dan dapat melihat (Mahmud Saedon, 1990; Anggun, 2016). Tidak disebut tentang jantina saksi mahupun bilangan saksi secara umumnya menurut perundangan Islam. Jantina lelaki tidak menjadi syarat penyaksian, tetapi syarat penyampaian (Mahmud Saedon, 1990).

Sekiranya seorang saksi itu tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, maka keterangannya itu diterima sebagai *bayyinah*, bukannya *syahadah*. Ia masih berkompeten untuk memberi keterangannya secara *bayyinah* (Akta Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan 1997).

Namun begitu, jenayah yang melibatkan hak Allah SWT (hudud), saksi wanita tidak diterima pakai. Sebaliknya, hanya saksi lelaki sahaja yang diterima. Hal ini kerana keterangan oleh saksi perempuan mempunyai *syubahat* iaitu lupa dan tersilap. Padahal hak-hak Allah SWT perlu dibicarakan dengan penuh hati-hati dan berwaspada (Al-Khin, al-Bugha & al-Syarbaji, 2009).

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa keadaan di mana hanya keterangan saksi wanita yang diterima pakai. Contohnya keterangan seorang wanita yang menyusukan bayi, seorang bidan dalam perkara haid, melahirkan anak, penyusuan dan keaiban perempuan (Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Selangor). Begitu juga dengan masalah keperawanan,

kejandaan, faraj yang bermasalah, faraj yang tertutup oleh tulang atau apa-apa perkara yang menyentuh perihal aurat wanita. (Taqiyuddin, 2014).

Mengenai bilangan saksi, terdapat dua jenis hak yang terlibat iaitu hak Allah SWT dan hak manusia. Hak manusia pula terbahagi kepada tiga jenis iaitu hak yang memerlukan dua orang saksi lelaki atau dengan seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan, atau dengan seorang saksi seorang lelaki dan sumpah orang yang mengaku (yang menuntut). Perkara ini dalam kes untuk menuntut harta (Taqiyuddin, 2014).

Bagi kes zina, empat orang saksi lelaki yang adil diperlukan dan bagi kes hudud yang lain dua orang saksi lelaki yang adil sudah pun memadai. Manakala, bagi kes takzir, bilangan saksi yang diperlukan adalah mengikut peruntukan undang-undang yang telah digubal. Saksi yang tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan tidak diterima kesaksian mereka, akan tetapi masih diterima sebagai keterangan secara *bayyinah* (Zulkifli Hassan, 2008).

Bagi kes liwat pula, empat orang saksi lelaki diperlukan iaitu sama bilangannya dengan kes zina menurut sesetengah ulama. Sementara itu, sesetengah ulama lagi berpendapat hanya dua orang saksi lelaki sahaja yang diperlukan bagi kes ini (Paizah, 2008).

c) **Penggunaan *Syahadah* di Mahkamah**

Banyak ayat al-Quran dan hadis menceritakan tentang kesaksian dalam menentukan hukuman atau kesalahan seseorang dan sesiapa yang menjadi saksi mestilah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak. Jadi, terbukti disini bahawa penggunaan syahadah sangat berkesan sebagai salah satu kaedah pembuktian dalam Islam (Taqiyuddin, 2014).

Menurut Imam Syafie, penyaksian merupakan antara kaedah terpenting dalam menetapkan hak seseorang di hadapan hakim (Muhammad Mustafa, 2012). Kadangkala kesaksian para saksi merupakan bukti tunggal sesuatu dakwaan yang secara langsung berperanan besar untuk membantu mahkamah menentukan hukuman yang setimpal. Justeru, agama Islam memberi peranan besar dan luas kepada kesaksian sebagai bukti khususnya kesaksian dua orang saksi samada dalam kes sivil mahupun kes jenayah (Amin, 2005; Wahbah, 2011).

Bukti dianggap sebagai hujah yang kuat sementara sumpah dianggap hujah yang lemah kerana pihak yang bersumpah mungkin berbohong untuk mempertahankan dirinya. Berbeza pula dengan saksi yang menjadi bukti pihak pendakwa. Hal ini kerana saksi tidak disangsikan kerana dia memberi keterangan untuk kepentingan orang lain, bukan untuk dirinya (al-Khin, al-Bugha & al-Syarbaji, 2009).

Kesaksian dalam Islam sangat menitikberatkan kualiti dan kuantiti saksi serta syarat-syarat yang ditetapkan bagi tujuan keadilan kepada semua pihak dalam sesuatu kes. Justeru, terbuhtilah pembuktian melalui kesaksian boleh diterima pakai di mahkamah selagimana ia berlandaskan hukum syarak yang ditetapkan (Azizah & Ruzman, 2016).

Tambahan lagi, pembuktian *syahadah* ini telah mencapai tahap yakin dan tiada *dzhan*. Dalam kes hudud hanya boleh dicapai tahap yakin dengan cara menggunakan kaedah *syahadah* mahupun *iqrar* sahaja. Maka, jelaslah di sini bahawa *syahadah* sangat diperlukan dalam perundangan terutamanya dalam perundangan Islam bagi membuktikan kesalahan-kesalahan yang melibatkan hukuman hudud (Zulfakar, 2015).

Saksi yang mempunyai kemahiran dan kelayakan boleh diterima pendapatnya jika dia adalah seorang pakar dari sudut pengetahuan, kemahiran, pengalaman serta pernah melakukan kajian yang berkaitan. Majalah *al-Ahkam al-Adliyyah* mengiktiraf keterangan pakar sebagai kesaksian yang tulen dan asli walaupun pakar tersebut tidak melafazkan lafaz *syahadah* sebagai seorang saksi. Namun, keterangan pakar seperti seorang doktor, ahli perubatan atau jika terdapat percanggahan antara keterangan pakar, tidak boleh membawa hukuman hudud, sebaliknya hukuman takzir sahaja boleh dikenakan (Mohd Naufal, 2008).

Saksi merupakan salah satu komponen yang sangat penting untuk menentukan sebarang keputusan yang bakal dibuat oleh hakim. Keterangan oleh saksi boleh membantu para hakim untuk membuat kesimpulan yang tepat dan betul, sesuai dengan fakta yang sebenarnya. Jadi, Islam mengarahkan para hakim melayani dan memuliakan saksi kerana saksi-saksi inilah yang akan menentukan hala tuju sesuatu kes tersebut. Kesimpulannya, banyak dalil dan bukti mengiktiraf *syahadah* sebagai salah satu kaedah pembuktian yang sangat tinggi dan tepat (Siti Zalikhah, 2004).

KESIMPULAN

Kesaksian salah satu cara pembuktian yang kukuh dan tinggi dalam undang-undang keterangan Islam. Ulama bersepakat bahawa kesaksian adalah yang paling terkuat selepas ikrar dalam kaedah pembuktian. Terdapat banyak dalil yang membuktikan kesaksian itu disyariatkan dan diperintahkan. Begitu juga ulama *mujtahidin* menerima kesaksian sebagai salah satu cara pembuktian dalam islam dan demikianlah juga dengan amalan para *Khulafa al-Rasyidin*. Tidak terdapat riwayat yang menafikan penerimaan kesaksian, malahan mereka semua menerimanya secara ijmak.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Hussin, 2003, *Hubungan Saksi Dengan Keterangan Mahkamah Syariah*, Kuala Lumpur: Majalah MATRA.
- Al-Asqalani, Ibn Hajar, 1992, *Bulughul Maram*, Jakarta: Rineka Cipta.
- Al-Husni, Taqiyuddin Abu Bakar Muhammad, 2014, *Terjemah Kifayah al-Akhyar Fiqh al-Imam al-Syafie*, Terj. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Al-Khin, Mustafa, al-Bugha, Mustafa & al-Syarbaji, Ali, 2009, *Al-Fiqh Al-Manhaji Mazhab Al-Syafie*, Selangor: Darul Syakir Enterprise.
- Al-Zuhaili, Wahbah, 2011, *Fiqih Islam Wa Adillatuhu*, Jakarta: Gema Insani.
- Al-Zuhaily, Muhammad Mustafa, 2012, *Al-Mu'tamad Dalam Fiqh Mazhab Syafie*, Kuala Lumpur: Persekutuan Seruan Islam (Jami'ah).
- Anggun Malinda S.H M.H, 2016, *Perempuan Dalam Sistem Peradilan Pidana*, Garudhawaca: Yogyakarta.
- Ammar Badruddin Ramli & Che Maryam Ahmad, 2015, *Pembuktian Cerai Taklik Di Mahkamah Syariah*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amin al-Jarumi, 2005, *Pembuktian Dalam Syariat Islam*, Malaysia: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Azizah Mohd Rapini & Ruzman Md Noor, 2016, *Syahadah Dalam Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur*, Selangor.
- Mahmud Saedon A Othman, 1990, *Undang-Undang Keterangan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Naufal Mohd Tarmizi, 2008, *Aspek-Aspek Klasikal Dalam Undang-Undang Keterangan Islam Dan Kesesuaiannya Dalam Masyarakat Global Masa Kini*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Salam Madkur, 1964, *Al-Qadha fi al-Islam*, Mesir: Darul Nahdah.
- Paizah Haji Ismail, 2008, *Kaedah Pembuktian Dalam Kes Hudud*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Paizah Haji Ismail, 2010, *Wanita Status Sosial Dan Undang-Undang Islam*, Selangor: Karya Bestari Sdn Bhd.
- Siti Zalikah Md Nor, 2006, *Al-Syariah Fiqh Jenayah*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Dan Bahasa.
- Zulfakar Ramlee Saad, 2007, *Pembuktian Dalam Kes Jenayah Syariah Malaysia: Isu Dan Penyelesaian*, Selangor: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Zulkifli Hasan, 2008, *Memahami Undang-Undang Keterangan Islam*, Selangor: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia .